



Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia

Intan Suria Hamzah¹, Sity Daud¹, Nor Azizan Idris¹

¹Program of Political Sciences, Department of History, Politic and Strategy, National University of Malaysia, 43600 Bangi , Selangor

Correspondence: Intan Suria Hamzah (email: intansuria.hamzah@gmail.com)

Abstrak

Migrasi rentas sempadan masakini telah melibatkan perpindahan jutaan manusia ke serata dunia samaada berhijrah sebagai buruh sah, PATI mahupun pelarian. Sebagai sebuah negara pesat membangun, mempunyai masyarakat Islam yang ramai dan dipacu kekukuhan ekonomi serta kestabilan politik, Malaysia telah berjaya menarik perhatian jutaan migrasi pendatang asing tanpa izin. Kajian ini telah mengenalpasti punca penghijrahan etnik Rohingya dari Myanmar yang menyebabkan mereka menjadi masyarakat pelarian. Seterusnya meneliti isu-isu kontemporari mereka di Malaysia dengan menetengahkan kejadian pemerdagangan manusia tahun 2015 dancara pelarian memasuki Malaysia. Data primer dikumpul melalui temubual berstruktur dengan informan yang mempunyai kaitan dalam isu rentas sempadan dan pelarian Rohingya di Malaysia. Data sekunder pula dikumpul daripada kajian perpustakaan berdasarkan bahan ilmiah, buku migrasi, akhbar dan data atas talian. Hasil kajian mendapati kemasukan pendatang asing tanpa izin atau pelarian telah menimbulkan masalah kepada negara Malaysia iaitu melalui isu rentas sempadan secara haram, pemerdagangan manusia dan kerajaan terpaksa memikul tanggung jawab sosial menerima pelarian Rohingya yang mana negara Myanmar tidak memperdulikan isu ini.

Katakunci: Islam, migrasi, Myanmar, pelarian Rohingya, pemerdagangan manusia, pendatang asing tanpa izin

Rohingya refugees and contemporary issues in Malaysia

Abstract

Cross-border migration is the consequence of the displacement of millions of people around the world who are forced to leave their place of origin as legitimate workers, immigrants or refugees. As a rapidly developing country with a large Muslim community, economic strength and political stability, Malaysia has attracted the attention of millions of illegal immigrants. This study examined the causes and issues of the influx of ethnic Rohingya refugees from Myanmar into Malaysia by highlighting incidents of Rohingya human trafficking in 2015, in particular, how they entered Malaysia. Primer data were collected from structured interviews with informants connected with cross-border migration and refugees in Malaysia, and secondary data from research based documents, books, newspapers and online data on migration. The study found that the influx of illegal Rohingya immigrants or refugees had created problems for the country by way of the critical issues of illegal border crossings, human trafficking, and the fact that the Malaysian government had to bear all the social responsibility of accommodating the Rohingya refugees while the country of origin, Myanmar, ignored the entire issue.

Keywords: human trafficking, illegal immigrants, migration, Muslims, Myanmar, Rohingya refugees

Pengenalan

Migrasi ke Malaysia dalam empat dekad kebelakangan ini merangkumi berbagai-bagai kategori warga asing. Aliran masuk yang dapat dikesan dengan jelas adalah pendatang ekonomi, pelancong, pencari suaka politik, pelajar asing dan peserta program kependudukan yang dipanggil “Malaysia my second home program” (atau dengan nama singkatnya MM2H program) (<http://www.mm2h.com/>). Lazimnya pelancong dan peserta program MM2H datang secara sah manakala kumpulan-kumpulan lain seperti diatas kerap datang secara tidak sah atau secara haram. Golongan pencari suaka politik dan orang pelarian biasanya datang dengan membolosi sempadan darat Malaysia-Thailand atau merentas sempadan laut antara Malaysia dengan Thailand, Indonesia dan Filipina. Sehubungan itu, Isu pelarian Rohingya ini bukannya satu isu baru ianya telah bermula sejak dahulu lagi. Malaysia mula menerima kehadiran awal pelarian Rohingya ini sejak tahun 1970an yang kini kebanyakannya menetap di Negeri Selangor seperti Ampang, Gombak dan Hulu Langat.

Pada Mei 2015, negara Malaysia telah dikejutkan dengan berita kehadiran pelarian etnik Rohingya dari Myanmar secara beramai-ramai di Langkawi. Belum sempat isu pelarian ditangani, negara digemparkan pula dengan penemuan 139 buah kubur-kubur besar dan kecil di Wang Kelian, Perlis. Dianggarkan terdapat lebih dari seribu mayat berada di bawah tanah yang ditanda dengan batu dan kayu. Turut ditemukan di lokasi tersebut kira-kira 100 meter dari sempadan negara Thailand adalah penempatan warga asing berpagar kawat duri yang di dalamnya terdiri daripada 28 buah bangsal dan khemah pelbagai saiz. Lokasi penempatan itu telah beroperasi sejak tahun 2013 dan kali terakhir ditinggalkan kira-kira dua minggu sebelum penemuannya berdasarkan penemuan peralatan memasak dan makanan yang masih baharu. Lebih menyedihkan, turut dijumpai ialah mayat seorang mangsa pemerdagangan yang dibiarkan sahaja mereput di atas tanah (Utusan Malaysia Online, 26 Mei 2015).

Penghijrahan pelarian dan mangsa pemerdagangan ini mempunyai kaitan langsung dengan masalah dalam negara iaitu pergolakan antara agama Buddha dan Islam di wilayah Arakan, Myanmar. Arakan yang sebelum ini dikenali sebagai Rohang dan kini dikenali sebagai Rakhine terletak di bahagian utara-barat Burma bersempadan dengan Teluk Bengal dan Negara Bangladesh. Mereka berketurunan Arab, Moors, Pathan, Moghul, Bengali dan Indo-Mongoloid. Penempatan awal Islam di Arakan dicatatkan telah bermula pada abad ke-7. Burma adalah tempat tinggal berbagai-bagai kumpulan etnik dan kira-kira 60% daripada kawasan yang didiami oleh hampir 140 kaum etnik dan Rohingya adalah salah satu kumpulan etnik daripada mereka. Myanmar mempunyai penduduk kira-kira 50 juta penduduk yang mana hampir 8 juta adalah orang Islam. Terdapat kira-kira 3.5 juta penduduk Islam yang tinggal di tempat-tempat perlindungan dan rumah masing-masing di Arakan yang majoritinya masyarakat Rohingya (Nurul, 2006). Oleh kerana berlakunya penganiayaan besar-besaran melalui dasar pembersihan etnik dan tindakan pembunuhan terhadap mereka, terdapat kira-kira 1.5 juta Rohingya terpaksa meninggalkan negara sendiri dan rumah mereka sejak kemerdekaan Burma pada tahun 1948. Mereka ini kebanyakannya ditemui berada di Bangladesh, Pakistan, Arab Saudi, UAE, Thailand dan Malaysia.

Sejak tahun 1990 hingga saat ini, kerajaan junta tentera Myanmar masih menerapkan politik diskriminasi terhadap suku-suku minoriti Muslim di Myanmar, termasuk Rohingya, Kokang dan Panthay. Pelarian Rohingya menyatakan mereka mengalami gangguan kekerasan dan diskriminasi oleh kerajaan seperti bekerja tanpa digaji dalam projek-projek kerajaan, pelanggaran hak asasi manusia untuk hidup bebas, ancaman keselamatan diri, kelompok masyarakat dan agama. Pada tahun 2012 rusuhan perkauman telah tercetus secara serius dan besar ianya melibatkan antara suku Rakhine dan Rohingya yang dicituskan oleh satu tragedi rogol dan pembunuhan seorang gadis Rakhine oleh para pemuda yang dikatan berwajah Bengali, justeru mereka menyatakan ianya perbuatan Rohingya. Kejadian ini mempunyai kaitan balas dendam bersifat etnik dan agama selepas berlakunya pembunuhan sepuluh orang pemuda Muslim dalam sebuah bas oleh orang-orang Rakhine. Pada tahun 2014, kerajaan Myanmar melarang penggunaan istilah Rohingya dan mendaftarkan orang-orang Rohingya sebagai orang Bengali dalam bancian penduduk. Seterusnya, kerajaan Myanmar melucutkan kad pengenalan penduduk etnik Rohingya yang menyebabkan mereka kehilangan kewarganegaraan dan tidak mendapat hak-hak politik.

Etnik Rohingya dan diskriminasi Negara Myanmar

Negara Burma pada 1 Januari 1886, secara rasminya menjadi sebahagian empayar British-India. Pada awal tahun 1942 hingga Mei 1945, Burma ditakluk oleh Jepun. Selepas tentera Jepun berundur dari Burma, British kembali menguasai bekas tanah jajahannya itu sekali lagi walaupun mendapat tentangan nasionalis tempatan. Pada 4 Januari 1948, Burma secara rasminya menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Menurut Rila (2011), orang Rohingya ini sebenarnya memiliki persamaan samada dari segi bentuk fizikal, bahasa dan budaya sendiri dengan orang di Asia Selatan, terutamanya orang Bengali. Selain itu, sesetengah orang Rohingya yang menetap di Arakan juga merupakan keturunan orang Arab, Parsi dan orang Pashtun. Hal ini berlaku kerana melalui sejarah lalu terdapat golongan pedagang-pedagang yang berasal daripada Arab, Parsi dan Pashtun telah berhijrah ke Arakan semasa zaman pemerintahan Empayar Mughal.

Berdasarkan sejarah, etnik Rohingya adalah beragama Islam disebabkan berlakunya aktiviti migrasi seperti perdagangan sejak abad ke-9 oleh pedagang Arab yang membawa masuk agama Islam ke Arakan. Rohingya merupakan susur galur daripada percampuran penduduk tempatan menerusi perkahwinan dengan penduduk Muslim dari Afghanistan, Parsi, Turki, Semenanjung Arab dan Bengal. Bahasa yang dipertuturkan dinamakan bahasa Rohingya yang mempunyai persamaan dengan bahasa Bengali yang digunakan oleh penduduk di Chittagong, sebuah wilayah di Bangladesh. Walau bagaimanapun bahasa ini adalah campuran daripada pelbagai bahasa seperti bahasa Urdu, Hindi, Arab dan bahasa Bamar yang dipertuturkan oleh masyarakat Myanmar majoritinya. Manakala bentuk tulisannya adalah terdiri daripada huruf-huruf dalam bahasa Arab yang sama seperti masyarakat Melayu suatu ketika dahulu sebelum wujudnya tulisan rumi. Kini di wilayah Arakan terdapat dua golongan yang menjadi majoriti di sana iaitu etnik Islam Rohingya dan etnik Buddha Arakan serta terdapat kelompok minoriti lain yang mengamalkan agama masing-masing seperti Hindu, Kristian dan Animisme. Semasa era penjajahan British (1824-1948), telah berlaku aktiviti migrasi secara besar-besaran di mana British telah membawa masuk ramai buruh asing dari China dan India, tidak ketinggalan juga masyarakat di wilayah Chittagong, Bangladesh yang majoritinya beragama Islam ke Rakhine (William & Letich, 2013: 19-22).

Orang Rohingya menjadi pelarian adalah disebabkan faktor perlembagaan yang sering dipinda dan faktor pemerintahan yang kerap bertukar ganti. Bermula dengan Akta Warga Asing 1864 sehingga Undang-undang Kewarganegaraan Burma 1982 serta tidak mempunyai apa-apa peruntukan undang-undang jelas bagi orang Rohingya. Akta Kewarganegaraan Kesatuan 1948 yang digubal oleh British, juga meniadakan hak orang Rohingya untuk menjadi sebahagian daripada warganegara Myanmar. Semenjak Myanmar diperintah oleh rejim tentera yang merampas kuasa pemerintahan sivil U Nu pada tahun 1962, ia boleh dikatakan bermulanya bibit penafian secara keras mengenai kewarganegaraan orang Rohingya di Myanmar. Ketika Myanmar di bawah pemerintahan Jeneral Ne Win sebagai ketua rejim, orang Rohingya dilabelkan sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI) kerana dikatakan golongan ini telah dibawa masuk oleh penjajah British suatu ketika dahulu walaupun rekod sejarah mengatakan orang Rohingya telah menetap di Arakan seawal tahun 1430 di bawah pemerintahan Raja Arakan ketika itu iaitu Narameikhla yang mempunyai kira-kira 30,000 orang tentera Muslim (Moshe, 2002: 23-24).

Pada tahun 1974 perlembagaan baru telah dibentuk oleh kerajaan junta Myanmar dan Akta Immigresen 1974 telah menafikan secara jelas hak orang Rohingya sebagai warganegara Myanmar yang sah dan mereka dilabelkan sebagai PATI. Kesan daripada undang-undang yang digubal oleh rejim Myanmar telah disusuli oleh operasi 'pembersihan etnik' secara besar-besaran yang dinamakan Naga Min atau Raja Naga tahun 1977. Operasi yang dianggap kejam ini telah memaksa orang Rohingya menjadi pelarian dan mereka secara beramai-ramai meninggalkan kampung halaman. Dianggarkan seramai 200,000 orang Rohingya telah lari ke Bangladesh pada tahun 1978. Namun begitu, mereka juga dipaksa pulang semula ke tempat asal iaitu kesan daripada perjanjian dua hala antara kerajaan Bangladesh dengan junta Myanmar. Dalam tempoh tersebut, dianggarkan 10,000 orang telah mati majoritinya adalah wanita dan kanak-kanak disebabkan kekurangan zat makanan dan penyakit berjangkit. Gelombang kedua pelarian Rohingya ke Bangladesh seramai 250,000 orang telah berlaku pada tahun 1991 dan 1992.

Selepas kemerdekaan Burma, pada 4 Januari 1948, terdapat 19 operasi ketenteraan di wilayah penempatan Rohingya telah dijalankan dengan alasan untuk mengawal rusuhan daripada berlaku. Tetapi hakikat sebenar yang berlaku adalah 19 operasi-operasi pembunuhan, pengusiran, pencerobohan masjid dan tempat ibadah, pemusnahan sumber pendapatan, dan rampasan ladang-ladang serta tempat tinggal. Antara 19 operasi ini, operasi *Burma Territorial Force* (BTF) adalah yang paling kejam. Kerajaan tentera tempatan yang dipenuhi oleh etnik Buddhist telah membunuh, merogol, membuat kemusnahan dan melaksanakan undang-undang sesuka hati. Akhirnya ia mengakibatkan ribuan penduduk muslim Rohingya terpaksa melarikan diri. Antara operasi lain yang tidak berperikemanusiaan juga adalah operasi Nagamin (King Dragon) pada tahun 1978. Dalam operasi ketenteraan ini, seramai 300,000 etnik muslim Rohingya telah dihalau keluar daripada rumah mereka dan hampir 1/3 dibunuh. Dapat dilihat operasi-operasi ketenteraan masih terus dijalankan oleh kerajaan Burma sejak tahun 1948 sehingga hari ini. Setiap tahun mereka melakukan dasar pengusiran dan penghapusan etnik terhadap etnik Rohingya, cuma apa yang membezakan keadaan dari semasa ke semasa adalah dari segi jumlah yang berhijrah dan jumlah kematian. Mereka hidup sebagai pelarian yang tidak diingini dan pendatang asing tanpa izin di negara Bangladesh, Pakistan, Arab Saudi, Thailand, Malaysia dan UAE.

Apa yang dapat disimpulkan disini, walaupun dunia telah mempunyai bukti yang jelas tentang serangan dan kekejaman kerajaan junta Myanmar ke atas etnik Rohingya, namun sukar untuk memulihkan keadaan kerana Myanmar telah menolak sepenuhnya etnik Rohingya ini bukan warganegara mereka adalah warganegara Bangladesh serta mempunyai persamaan dengan masyarakat di Chittagong. Selain itu, tindakan ketenteraan Myanmar juga turut menyebarkan kebencian terhadap masyarakat Islam dengan berjaya mempengaruhi pemikiran rakyat Myanmar bahawa Rohingya adalah 'Chittagonians' dari Bangladesh. Jadual 1 dibawah menunjukkan operasi-operasi pengusiran besar tentera terhadap etnik Rohingya yang dirancang oleh kerajaan Myanmar sejak tahun 1948.

Jadual 1. Operasi-operasi ketenteraan selepas kemerdekaan Burma

No	Operasi Tentera	Tahun
1.	Operasi Tentera (Rejimen Burma 5)	November 1948
2.	Operation of Burma Territorial Force (BTF)	1949-1950
3.	Operasi Tentera (Rejimen Kecemasan Chin 2)	Mac 1951-1952
4.	Operasi Mayu	Oktober 1952-53
5.	Operasi Mone-thone	Oktober 1954
6.	Operasi Gabungan Tentera dan Imigresen	Jan 1955
7.	Operasi Kesatuan Polis Tentera (UMP)	1955-1958
8.	Operasi Kapten Htin Kyaw	1959
9.	Operasi Shwe Kyi	Oktober 1966
10.	Operasi Kyi Gan	Oktober-Disember 1966
11.	Operasi Ngazinka	1967-1969
12.	Operasi Myat Mon	Februari 1969-1971
13.	Operasi Major Aung Than	1973
14.	Operasi Sabe	Februari 1974-1978
15.	Operasi Naga-Min (King Dragon) (mengakibatkan penghijrahan kira-kira 300,000 Rohingya ke Bangladesh)	Februari 1978-79
16.	Operasi Shwe Hintha	Ogos 1978-80
17.	Operasi Galone	1979
18.	Operasi Pyi Thaya (mengakibatkan penghijrahan 268,000 Rohingya ke Bangladesh)	Julai 1991-92
19.	Operasi Na-Sa-Ka	1992

Sumber: Diubahsuai dari Habib (2006) & Abid (2010)

Menurut Chris Lewa (2003) dalam Forum Asia, Rohingya sedang didiskriminasi atas dasar etnik dan agama mereka. Mereka tidak dimasukkan ke dalam proses pembinaan negara manakala rejim tentera telah melaksanakan dasar-dasar pengecualian dan diskriminasi bertujuan untuk menggalakkan mereka supaya meninggalkan negara Myanmar. Dasar-dasar yang sistematik telah berjaya mengekalkan kemunduran etnik Rohingya dan meransang mereka ini menjadi pelarian besar-besaran ke Bangladesh pada tahun 1978, 1991 dan 1992. Gabungan pelanggaran hak asasi manusia, penafian status undang-undang untuk sekatan pergerakan dan kekangan ekonomi terhadap etnik Rohingya telah berjaya mewujudkan rasa tidak selamat untuk menjalani kehidupan dan mencari makanan. Kanak-kanak Rohingya khususnya adalah mangsa yang tidak bersalah dan menderita akibat kelemahan dasar-dasar kerajaan seperti diskriminasi dalam segala aspek kehidupan dan akses contohnya tiadanya sekolah awam, penjagaan kebajikan kesihatan untuk mereka dan kemiskinan tegar. Hal ini telah memberi kesan kepada pembangunan fizikal dan mental mereka secara berpanjangan untuk masa depan masyarakat Rohingya. Dapat dirumuskan bahawa situasi etnik Rohingya di Myanmar ini bertepatan dengan andaian yang dinyatakan oleh Amartya Sen (1999) iaitu pembangunan ekonomi tidak akan bermakna jika individu dan masyarakat tidak mendapat hak dan kebebasan dalam kehidupan seharian mereka sehingga memaksa diri menjadi mundur, tersiksa dan melarikan diri ke negara lain.

Analisis kajian menunjukkan serangan Burma di Arakan telah mengakibatkan penciptaan masalah pelarian yang kronik di rantau ini. Malah sebelum tahun 1978 pengusiran besar-besaran etnik Rohingya telah berlaku misalnya pergerakan pelarian ke Chittagong Bangladesh. Penghijrahan kontemporari juga telah membawa kepada kebangkitan Arakani iaitu penduduk asal di selatan Chittagong, Bangladesh. Antaranya ialah Chakmas (Northern Chittagong Hill), Rakhines (Bazar Cox), Marma Banderbon), Tanchaing (di tengah Chittagong Hill).

Analisis kekejaman dan migrasi etnik Rohingya

Kajian ini mendapati bahawa pengusiran pelarian Myanmar di Arakan khususnya bukanlah satu fenomena ianya melibatkan masalah dalaman negara dengan rentetan sejarah yang panjang dan rumit serta kekaburan sejarah awal yang di manipulasi oleh pihak sejarawan negara Myanmar. Pemerintah, junta tentera dan golongan agamawan Buddha adalah berperanan bertindak sebagai agen sosialisasi politik yang sangat berjaya mempengaruhi pemikiran dan memupuk kebencian dalam kalangan masyarakat terhadap etnik Rohingya sehingga menafikan hak warganegara dan bencikan etnik Rohingya sehingga mendorong rakyatnya untuk melakukan pembunuhan tanpa belas kasihan dan melanggar hak asasi manusia. Mereka menganggap Islam agama yang membawa keganasan, agama yang mampu berkembang serta agama yang memberi saingan terhadap agama Buddha di Myanmar.

Keadaan ini turut diakui oleh Encik Mohd Azmi (2015) iaitu Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) menyatakan sentimen kebencian Islam di Myanmar bersifat teroris kerana masyarakat Buddha disana melakukan pembunuhan kejam tanpa belas kasihan dengan matlamat ingin melenyapkan kaum dan keturunan Rohingya Islam dari bumi Myanmar. Encik Azmi merupakan NGO yang telah terlibat dalam aktiviti sukarelawan Rohingya di Myanmar dan Malaysia justeru pelbagai pengalaman dan masalah yang dihadapi telah dikongsikan. Beliau juga mengatakan bahawa kempen anti Islam dijalankan secara menyeluruh di Myanmar dengan mengakibatkan sejumlah pembunuhan besar seperti apa yang pernah berlakunya dalam sejarah dunia lampau. Misalnya, pembunuhan dan penghapusan etnik 'ethnic cleansing' era nazi di Jerman, Bosnia, Iraq, Syria dan begitu juga apa yang sedang berlaku di wilayah Arakan, Myanmar.

Melunsi pengalaman beliau sewaktu berada di Myanmar, ketika berjalan di tepi jalanraya, beliau ternampak kertas-kertas seperti memo bertaburan diatas jalan dengan perkataan kalimah Allah dan tulisan Myanmar yang tidak difahami. Justeru beliau menanyakan intipati kandungan tersebut kepada rakannya yang juga orang Myanmar. Lantas dijelaskan maksudnya satu persatu tulisan tersebut adalah berkenaan azan yang telah terjemah, dimanipulasi dan difitnah takrifan azan tersebut dalam bahasa Myanmar iaitu membawa maksud *Allah sangat berkuasa, Allah mampu melumpuhkan Buddha, Allah mampu menguasai*

alam dan Myanmar. Justeru tafsiran ini ditabur sepanjang jalan dan ianya merupakan agenda sosialisasi politik pemerintah dan agamawan Buddha untuk memupuk kebencian rakyat Myanmar terhadap umat Islam Rohingya. Selain itu, turut tertulis bahawa Islam tidak boleh dibiarkan berkembang di Myanmar dan sebagai rakyat perlu menghapuskan mereka iaitu merujuk kepada Rohingya, kaum majoriti di Arakan/Rakhine.


Mereka juga turut terpedaya dengan media dalam dan luar negara yang menyiarkan isu-isu keganasan IS dan ISIS. Maka mereka menganggap Islam itu ganas, zalim dan tidak boleh dibiarkan hidup. Sejarah lampau menunjukkan kebanyakan negara-negara Asia tenggara dipengaruhi oleh Hinddu-Buddha seperti Indonesia, Thailand dan Malaysia juga merupakan negara yang di pengaruhi agama Hindu-Buddha. Namun selepas kedatangan Islam melalui pedagang-pedagang arab, parsi dan China telah berjaya mempengaruhi masyarakat di negara-negara tersebut dan Islam berkembang subur di Selatan Thailand, Malaysia dan Indonesia. Melihat kepada sejarah lampau kejayaan penyebaran Islam dan telah berjaya mendominasi beberapa negara asia tenggara menyebabkan ketakutan mereka ini semakin menebal dan diakui sendiri oleh golongan agamawan Buddha Myanmar, mereka amat takut negara Myanmar dikuasai Islam. Maka dapat dilihat negara Myanmar dan masyarakatnya menentang hebat masyarakat Islam sehingga sanggup membunuh, menyiksa dan memaksa Rohingya melarikan diri dari negara sendiri.

Antara punca utama pelarian Rohingya cuba mendapatkan perlindungan di negara Islam lain adalah kerana larangan mendirikan solat berjemaah di tempat umum termasuk menyambut hari kebesaran dalam Islam seperti bulan Ramadan, hari Raya Aidil Fitri dan Maulidur Rasul. Perkara ini didedahkan oleh Mufti Yangon, Myanmar iaitu Samiullah Nurul Haq yang menjelaskan mereka melarikan diri ke Malaysia kerana merupakan jalan terakhir selepas beberapa negara lain seakan-akan bersifat lepas tangan dan tidak mahu memberi perlindungan (Metro 2015. 18 Mei). Masyarakat Rohingya ini mampu bertahan dengan desakan ekonomi, cara hidup atau ketiadaan pekerjaan di Myanmar kerana perkara itu telah menjadi kebiasaan bagi mereka namun penindasan terhadap agama termasuk larangan untuk mendirikan solat secara berjemaah membuatkan etnik tersebut tertekansehingga melarikan diri ke negara lain. Menurut Samiullah, apa yang menjadi keutamaan bagi etnik Rohingya adalah kebebasan beragama iaitu mereka boleh meraikan hari kebesaran dalam Islam dan melakukan ibadat tanpa sebarang ancaman, ia sudah memadai. Keadaan sangat berbeza di Myanmar apabila pihak tertentu seperti golongan agama sami Buddha melakukan penganiayaan terhadap mereka daripada segenap aspek termasuk membakar rumah penduduk jika ada sebahagian daripada masyarakat tersebut yang ingkar dengan larangan yang ditetapkan.

Isu-isu kontemporari etnik Rohingya di Malaysia: Pmerdagangan manusia dan realiti hidup sebagai pelarian

Bermula pada 10 Mei 2015, seramai 1,158 orang PATI Rohingya dan Bangladesh yang terdiri daripada 993 lelaki, 104 perempuan dan 61 kanak-kanak telah dicatatkan tiba di Pulau Langkawi, Kedah. Daripada jumlah tersebut, seramai 486 orang merupakan warga Myanmar manakala 672 orang adalah warga Bangladesh. Susulan kejadian itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan satu Mesyuarat Penyelarasan antara agensi bagi membincangkan mengenai isu kebanjiran PATI ini pada 12 Mei 2015 yang melibatkan Kementerian Luar Negeri (KLN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) (Kenyataan Media KDN 2015). Keputusan bersama telah diperolehi daripada semua pihak agensi penguatkuasa Malaysia iaitu bersetuju untuk membawa kesemua PATI tersebut dipindahkan ke Depoh Tahanan Imigresen Belantik, Kedah. Proses perpindahan tersebut akan melibatkan JIM, Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Polis Marin PDRM dan APMM. Proses perpindahan kesemua PATI tersebut dilaksanakan secara berperingkat mulai 12 Mei 2015. Sebagai langkah segera bagi membendung insiden yang sama daripada berulang, kerajaan Malaysia telah berusaha mengadakan perbincangan segera dengan negara sumber iaitu Bangladesh dan Myanmar. Ini kerana terdapat elemen penyeludupan migran ekoran kerelaan PATI terbabit untuk datang ke Malaysia dan turut melibatkan berlakunya sindiket

pemerdagangan manusia. Pihak Thailand juga telah dilibatkan di dalam perbincangan ini susulan daripada kes-kes penyeludupan migran menerusi sempadan Malaysia-Thailand. Diakui bahawa Thailand mempunyai banyak pengalaman dan sumber mengenai kegiatan rentas sempadan tersebut.



Sumber: Diubahsuai daripada Bernama & PDRM (2015)

Rajah 1. Laluan sindiket pemerdagangan etnik Rohingya ke Malaysia

PDRM & UNCHR Malaysia (2015) menjelaskan penghijrahan pelarian etnik Rohingya ini adalah amat sukar untuk menyeberangi wilayah-wilayah Myanmar dengan menggunakan jalan darat dan melalui negara Thailand sebagai jalan utama untuk melarikan diri kerana banyak sekatan badan penguatkuasa dalam negara. Oleh itu, kebanyakan mereka akan tiba dengan bot-bot kecil di negara-negara asia tenggara iaitu mengikut destinasi pilihan masing-masing samaada dari Myanmar atau Bangladesh (Danish Immigration Service, 2011: 45). Namun apa yang amat dikesali, penghijrahan pelarian ini sering dieksploitasi dan dikhianati sehingga mereka menjadi mangsa pemerdagangan manusia yang membawa

kepada penderita, menjadi hamba mahupun mengakibatkan kematian seperti tragedi di Wang Kelian dan Padang Besar, Perlis.

Kedatangan PATI Bangladesh dan pelarian dari Myanmar pada kali ini berskala besar dan amat merisaukan. Begitu juga dengan negara Thailand dan Indonesia yang turut berkongsi kerisauan dan kerumitan ini kerana ianya melibatkan isu rentas sempadan, keselamatan negara dan keselamatan manusia samaada individu yang mendarat di perairan dan sempadan negara mahupun masyarakat tempatan yang sedang menjalani kehidupan seharian mereka. Dari ribuan yang telah mendarat di tiga buah negara masih terdapat ratusan dan ribuan lagi pelarian samaada di atas laut, mendarat di pulau-pulau Indonesia atau mati lemas dilautan. Sehubungan itu, negara juga sekali lagi digemparkan pula dengan penemuan 139 kubur yang dikesan oleh pihak berkuasa di 28 kem transit yang dibina oleh sindiket pemerdagangan manusia di sepanjang sempadan negara Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. KDN juga mengakui bahawa terdapat warga Malaysia turut terlibat dalam sindiket pemerdagangan inisetelah terbongkarnya penemuan kem tahanan di Wang Kelian iaitu lokasi mengurung pelarian Rohingya dan pendatang dari Bangladesh. Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar telah mengerahkan kira-kira 300 anggota pasukan komando VAT-69 ke kawasan terbabit untuk menggeledah hutan tebal di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand bagi mengesan aktiviti dan bukti-bukti pemerdagangan manusia (Utusan Online, 2015).

Negara Thailand sememangnya menjadi tempat transit atau titik pendaratan sengaja etnik Rohingya yang hendak memasuki Malaysia. Malaysia dianggap sebuah negara yang selamat dan negara Islam yang mudah untuk dimasuki kerana kurangnya sekatan di sempadan dan mudah mendapatkan akses kepada pekerjaan walaupun secara haram. Mereka juga boleh mendaftar dengan UNHCR di Malaysia sebagai pelarian. Negara Bangladesh pula, dikenalpasti sebagai lokasi tempat pengumpulan dan pelabuhan bot-bot pembawa pelarian Rohingya dan penyeludupan migran Bangladesh. Bot-bot yang berlepas dari Bangladesh dianggarkan jumlahnya kira-kira 12 bot dengan anggaran 600-700 orang penumpang sekali berlepas. Nyawa mereka ini berada dalam bahaya sewaktu dalam perjalanan kerana tidak mempunyai sebarang bentuk pengenalan diri, dokumen perjalanan yang sah dan tiadanya perlindungan keselamatan, terdedah kepada cuaca tidak menentu dan masalah kesihatan seperti demam, dihidrasi dan kebuluran. Agen-agen di negara Bangladesh terlibat dalam membuat keuntungan dengan menyediakan pasport palsu, menjalankan sindiket penyeludupan dan pemerdagangan manusia dari Bangladesh dan Myanmar ke negara Asia Tenggara (Danish Immigration Service, 2011:44).

Menurut *Asia Pacific Refugee Rights Network* (APRRN), terdapat ramai penyeludup manusia yang aktif dalam aktiviti pemudah cara seperti menguruskan lokasi pengumpulan, penyediaan bot-bot, pengutip bayaran perjalanan, pengatur strategi dan pemandu bot-bot perjalanan ke Thailand, Indonesia dan Malaysia. Sehubungan itu, dalam dekad yang lalu keadaan corak migrasi dilihat adalah lebih meluas kerana terdapat peluang dan kemudahan perjalanan untuk etnik Rohingya dan warga Bangladesh ke Arab Saudi dan negara-negara Teluk, tetapi kini keadaan menjadi lebih sukar kerana kurangnya pergerakan ke arah Timur Tengah atas faktor geografi, kestabilan politik, laluan lebih jauh dengan cabaran pelayaran serta kos tinggi penghantaran oleh agen. Trend terkini memaparkan pergerakan lebih aktif ke arah timur Malaysia dan Indonesia. Menurut statistik terkini daripada KDN (2015) dan Azizah (2014), pelarian Rohingya yang terdapat di Malaysia melebihi seratus ribu orang. Mereka ini telah mempunyai rangkaian sosial daripada etnik sendiri dalam jumlah yang besar.

Cara orang Rohingya memasuki Malaysia dan realiti kehidupan

Hussain (2015) merupakan salah seorang pelarian, pemegang kad UNHCR dan responden kajian ini. Hussain dan rakan-rakan senegarannya masuk ke Malaysia pada tahun 2000 dan mendiami Thailand selama 3 tahun sebelum datang ke Malaysia. Memulakan perjalanan dari Arakan ke Bangladesh iaitu Cox Bazar kemudian menaiki kapal menuju ke Thailand. Mereka ini, bekerja di Thailand sebagai pencuci kedai makan, menguruskan kerja-kerja pasar nelayan, mengutip barang terbuang, pekerja ladang dan menjadi buruh binaan. Kemudian, beliau memasuki Malaysia melalui Rantau Panjang, Kelantan sebelum ke Kuala Lumpur. Mereka ini tidak mengenali antara satu sama lain, telah masuk secara haram dan tidak

mempunyai sebarang dokumen atau kad UNHCR. Dari Kelantan menaiki sebuah kereta wira seramai 13 orang termasuk seorang pemandu warga tempatan, Malaysia. Seorang telah meninggal dunia sewaktu dalam perjalanan iaitu penumpang yang berada dalam bonet belakang, disyaki lemas dan kelaparan. Sepanjang perjalanan tidak diberi makan dan minum atau berhenti untuk membuang air. Kereta hanya ketahui berhenti sebanyak tiga kali iaitu untuk mengisi minyak melalui pendengaran bunyi pam dan derusan minyak yang memasuki tangki kereta.

Situasi dalam kereta ketika itu adalah seperti 'ikan sardin di dalam tong'. Mereka terpaksa berhimpit-himpit dari tempat duduk depan (membengkokkan badan), tempat duduk belakang baring memanjang dan bertindih-tindih sesama manusia. Begitu juga dalam bonet belakang disusun melintang dan bertindih. Kemudian dilapisi atasnya dengan kain dan barangan, seolah-olah kereta itu dipenuhi barang-barang pemilik kereta. Rasa panas, lapar, kekurangan udara, berbau busuk, kekejangan dan sakit badan amat dirasakan dan tidak selesai. Beliau dan rakan-rakan diberi amaran keras agar tidak berbuat bising, melakukan sebarang bunyi seperti mengetuk dinding kereta, meminta makan dan minum. Mereka juga diugut akan ditinggalkan di tepi jalan sekiranya mengeluarkan sebarang bunyi. Rakan yang mati tidak diketahui di hantar kemana, mayat tersebut dibawa pergi oleh pemandu yang tidak dikenali dan bersifat enggan berkata-kata. Segala urusan untuk datang ke Kuala Lumpur dan pemandu yang membawa mereka semuanya telah dirancang dan diuruskan oleh agen. Justeru dapat dirumuskan disini keselamatan mereka ini juga tidak terjamin dan nyawa menjadi taruhan untuk sampai ke Malaysia. Kegiatan ini turut melibatkan masyarakat tempatan sebagai agen dan pemudah cara.

Melalui sumber dan maklumat lain yang diterima, pelarian atau PATI yang ingin memasuki Malaysia sememangnya menggunakan agen orang Thailand dan Malaysia. Cas kemasukan yang dikenakan oleh agen Thailand dikenakan sebanyak RM 500 setiap seorang dari Thailand ke Rantau Panjang. Manakala dari Rantau Panjang ke Kuala Lumpur bayaran dikenakan sebanyak RM 1500 untuk satu perjalanan sehala yang diuruskan oleh agen Malaysia. Disebabkan kos bayaran agen yang tinggi bagi kemasukan secara haram ini maka tidak hairanlah kebanyakan pelarian Rohingya akan transit bekerja di Thailand dahulu untuk mengumpul wang sebelum memasuki Malaysia. Menurut Hasan & Amir (2014), ketika mula-mula berhijrah ke Thailand, mereka tidak mempunyai rakan atau saudara di Thailand dan Malaysia, tidak mengetahui sejauh mana keadaan di Thailand, tidak mempunyai banyak akses dan telefon bimbit, hanya membawa sedikit pakaian, wang serta keyakinan untuk hidup lebih baik. Bagi menyara kehidupan harian, mereka mengutip barang-barang terbuang atau terpakai di negara Thailand. Mereka juga berusaha memenuhi keperluan harian dengan mengutip sisa makanan, pakaian terbuang dan kotak untuk meneruskan kehidupan. Keadaan ini dianggap sangat-sangat bersyukur kerana dapat melarikan diri daripada kesengsaraan ancaman nyawa di Myanmar.

Mereka sanggup melakukan apa jua pekerjaan yang sukar, kotor dan hina dipandangan umum asalkan dibayar gaji dan boleh membeli makanan. Mereka ini tinggal dalam sebuah rumah secara ramai, mediami tapak pembinaan atau tepi pasar dalam keadaan serba kekurangan. Di Thailand, mereka telah banyak mengetahui wujud ramai masyarakat Rohingya di Malaysia dan merupakan sebuah negara Islam yang aman dan 'baik'. Justeru perasaan ingin datang ke Malaysia sememangnya menjadi satu impian. Di Thailand, mereka masih berasa kurang selesa dan tidak menyukai masyarakat disana kerana kebanyakan masyarakat Thailand beragama Buddha ianya mempunyai nilai sentimen mendalam buat mereka atas faktor pengalaman lampau di negara asal. Selain itu, mereka juga menyatakan tidak gembira berada di Thailand kerana sukar untuk mendengar laungan azan atau bacaan ayat-ayat suci al Quran. Situasi ini jelas menunjukkan mereka mempunyai rasa cinta dan rindu kepada agama Islam serta sedaya upaya ingin mengamal ibadah sebagai muslim walau dimana berada.

Tempat tinggal dan punca pendapatan

Pelarian Rohingya ini lazimnya tinggal secara beramai dengan beberapa buah keluarga dalam sebuah rumah. Misalnya keluarga Hussain menyewa rumah dari pemilik orang Cina dengan kadar bayaran RM 450 sebulan. Terdapat tujuh orang tinggal dalam satu rumah iaitu seorang isteri, tiga orang anak, seorang pak cik saudara yang tua dan uzur serta seorang rakan pekerja binaan. Anak-anak Hussain telah hampir

sebagai dengan cara, budaya dan makanan masyarakat Malaysia. Makanan kesukaan keluarga beliau adalah nasi lemak, nasi putih dengan lauk lauk masakan Melayu dan india seperti kari, ayam masak merah, roti canai dan rojak. Beliau juga menegaskan di Malaysia, masih boleh mencari rezeki walaupun pelarian tidak dibenarkan bekerja secara formal. Namun masih boleh melakukan kerja-kerja harian seperti mengutip besi, tin, kotak, mengambil upah membersihkan kawasan rumah, potong rumput, angkat barang, cuci pasar, membantu jualan ikan dan sayur di pasar serta melakukan perkhidmatan roda tiga iaitu mengambil upah mengangkut barang-barang buangan ke tempat pelupusan sampah.

Purata anggaran kasar sehari pendapatan seorang pelarian Rohingya yang melakukan pekerjaan sendiri bermula dari RM20-RM30 sehari dan pada hari minggu boleh mencecah sehingga RM50. Pada hari minggu atau cuti umum mereka mendapat pendapatan lebih kerana masyarakat Malaysia sedang bercuti dan terdapat peningkatan dalam jumlah barang buangan harian serta peluang kerja-kerja pembersihan. Antara kawasan tempat kerja pelarian Rohingya di sekitar Selangor adalah hulu Langat, Satoh, Mauri, Ampang, Selayang dan Gombak. Mereka juga mengakui sering diganggu dan diperas ugut oleh orang India di Gombak dan Hulu Langat manakala orang Melayu tidak mengganggu kehidupan mereka dan lebih mengutamakan urusan sendiri. Sebelum mengakhiri temubual, pengkaji telah menanyakan satu soalan istimewa buat responden iaitu mengapa beliau dan rakan-rakan etnik Rohingya yang lain suka untuk tinggal dan menetap di Malaysia. Ini adalah jawapan yang telah diterima;

Sebab-sebab utama saya dan rakan-rakan sewilayah datang ke Malaysia kerana Malaysia sebuah negara Islam. Hidup atau mat kami, kami mahu di negara islam dan mahu ditanam secara Islam. Malaysia negara selamat dan negara yang sangat baik. Disini boleh cari rezeki dan telah ramai orang Rohingya hidup dengan selamat dan boleh makan serta bekerja. Thailand negara Buddha, kami tidak suka, mereka bukan muslim. Polis Malaysia baik dan tidak bersifat mengancam, kerajaan Malaysia lebih baik daripada negara sendiri, begitu juga Perdana Menteri Malaysia sangat baik kerana suka bantu masyarakat Islam yang sedang susah, bantu kami orang Rohingya. Kami tidak ingin pergi ke negara lain untuk penempatan semula.


Sumber: Pelarian Rohingya di Malaysia, 2015

Beliau juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Polis dan kerajaan Malaysia dengan layanan yang baik dan menerima mereka tinggal di Malaysia walaupun berstatus pelarian. Harapan mereka di Malaysia untuk generasi akan datang menginginkan anak-anak Rohingya dapat menerima pendidikan formal sewajarnya seperti boleh memasuki sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan supaya boleh berjaya seperti masyarakat Malaysia. Ramai anak-anak pelarian tidak dapat bersekolah dan tidak boleh membaca walaupun sudah dewasa, mereka hanya boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka juga sangat berharap diberi keizinan untuk mengambil lesen memandu motorsikal dan kereta, memiliki lesen perniagaan serta memiliki kad UNHCR untuk semua warga Rohingya bagi memudahkan kehidupan harian dan mencari rezeki.

Kad UNHCR Malaysia

Kad sebagai pelarian yang akan dikeluarkan adalah tertakluk kepada nama-nama yang berdaftar dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). Kad UNHCR ini diberikan kepada pelarian yang telah mendapat mandat daripada UNHCR melalui penentuan status hasil penilaian secara individu (UNHCR 2012). UNHCR merupakan agensi pelarian *United Nations*, ditubuhkan pada tahun 1951 untuk perlindungan antarabangsa dan penyelesaian kepada isu-isu pelarian. UNHCR beroperasi untuk melindungi hak pelarian, menggalakkan kesejahteraan mereka dan membantu dalam penyelesaian jangka lama. Merujuk kepada Konvensyen Geneva 1951 berkaitan dengan status pelarian, seseorang pelarian merupakan orang yang berada di luar negara asalnya, mempunyai perasaan takut yang berasas atas sebab-sebab bangsa, agama, kewarganegaraan, pandangan politik atau keahlian dalam sesuatu kumpulan sosial

dan disebabkan perasaan takut tersebut, mereka tidak dapat atau tidak sanggup mendapatkan perlindungan di negara itu (UNHCR Kuala Lumpur). Berikut merupakan contoh kad UNHCR Malaysia;



Sumber: Diubahsuai daripada UNHCR Malaysia (2014)

Rajah 1. Contoh kad UNHCR Malaysia

Menurut Amir (2014) iaitu pelarian Rohingya dan pemegang kad UNHCR, untuk mendapatkan kad tersebut beliau perlu pergi mendaftar di pejabat UNHCR Kuala Lumpur di Bukit Petaling. Proses untuk mendapatkannya bermula dengan berbaris panjang untuk mendaftar atau memperbaharui kad UNHCR. Kad boleh siap pada hari yang sama namun adakala memakan masa sehingga tiga hari atas faktor prosedur tidak lengkap dan jumlah pendaftar yang ramai. Kad ini perlu diperbaharui tiga tahun sekali oleh semua pelarian mengikut tarikh yang didaftarkan pada kad tersebut. Sehubungan itu, terdapat juga sebilangan daripada mereka ini telah dipanggil oleh UNHCR untuk penempatan kekal ke Amerika Syarikat namun beliau dan rakan-rakan telah menolak atas faktor Amerika bukan negara Islam dan sudah selesa serta serasi dengan persekitaran dan komuniti yang terbina di Malaysia maka mereka tidak mahu berhijrah.

Kesimpulan

Pelarian Rohingya perlu dibantu atas dasar kemanusiaan dan sebagai tanggungjawab bersama sesama manusia. Bagi pandangan pengkaji, Malaysia, ASEAN dan UNHCR perlu mewujudkan satu model yang berkesan dan bekerjasama dalam menangani isu ini dengan menyediakan pelan tindakan untuk menyelamatkan etnik Rohingya secara menyeluruh bagi melindungi nyawa, mengenalpasti keberadaan semasa mereka, mendapatkan statistik tepat jumlah mereka di negara transit dan berusaha keras dalam mendapatkan kerjasama dari pihak negara Myanmar sendiri. Jika isu ini tidak diselesaikan maka selagi itulah negara-negara ASEAN akan terus dibelenggu masalah jangka panjang bersifat berterusan melalui banjir pelarian dari Myanmar. Bagi anak-anak pelarian Rohingya, mereka ini perlukan bantuan yang lebih khusus terhadap peningkatan pendidikan asas daripada mengenal huruf, membaca, mengira dan pengisian rohani kepada penguasaan ilmu kemahiran seperti bertukang, memasak, menjahit, bertani dan

sebagainya agar mereka ini bersedia menuju masa hadapan yang tidak menentu namun sekurang-kurangnya bekalan asas telah diterima. Ilmu merupakan satu keperluanhidup, kecelikan akal fikiran merupakan hadiah yang sangat bermakna untuk membina masa depan.

Demikian daripada peristiwa hitam yang telah berlaku ke atas negara pada tahun 2015, Malaysia telah mendapat status lemah penguatkuasaan sempadan oleh pemerhati antarabangsa kerana telah menjadi negara transit bagi aktiviti lintas sempadan dan pemerdagangan manusia, ianya amat mencemarkan nama baik dan imej negara Malaysia di seluruh dunia. Secara tidak langsung turut disenarai hitamkan sebagai sebuah negara yang berpotensi menjadi hab antarabangsa bagi aktiviti penyeludupan migran dan pemerdagangan manusia. Sebagai sebuah negara yang menyokong prinsip hak asasi kemanusiaan (human rights), kerajaan seharusnya lebih peka terhadap masalah yang boleh memberi tanggapan negatif kepada negara di mata dunia dan perlu melaksanakan hukuman lebih berat terhadap agen pemerdagangan manusia dan pelaku-pelaku yang terlibat dalam aktiviti ini.

Rujukan

- Abdul Halim Sidek, Yohan Kurniawan, Hishamuddin (2012) *Penganiayaan dan Pencabulan Hak Asasi Masyarakat Rohingya oleh Institusi Kerajaan: Sebuah Konseptual Analisis*. Universiti Malaysia Sabah, Sabah.
- Abid Bahar (2010) *Burma's Missing Dots: The Emerging Face of Genocide*. Xlibris Corporation LLC, United Kingdom.
- Abu Talib Ahmad (2008) *Konflik Dunia Abad Ke-20*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Amartya Kumar Sen (1999) *Development as Freedom*. Oxford University Press, United States.
- Anon (2011) *Rohingya refugees in Bangladesh and Thailand: Fact finding mission to Bangladesh and Thailand*. Danish Immigration Service, Copenhagen.
- Anon (2014) *Myanmar digesa iktiraf Rohingya*. Kosmo, 31 Disember.
- Azizah Kassim (2014) Sesi perbincangan meja bulat: keselamatan negara: Isu pekerja asing dan cabaran semasa. Anjuran: Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) & Northern Corridor Research Center (NCRC), Universiti Utara Malaysia (UUM). Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Bernamea. *Infografik: Sindiket Pemerdagangan Rohingya* (2015). [Cited 12/8/2015] Available from: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/infografik-sindiket-pemerdagangan-rohingya-61620>.
- Chris Lewa (2003) *Issues to be Raised Concerning the Situation of Rohingya Children in Myanmar (Burma)*. Form-Asia, Nov. 2003.
- Dafrizal, Faridah Ibrahim, Chang Peng Kee, Fauziah Ahmad (2013) *Latar Belakang, Trend Pemberitaan Isu Keganasan dalam Akhbar Perdana Malaysia dan Indonesia*, 3.
- Dato' Alwi Bin Hj. Ibrahim (2015) *Kebanjiran Pati Rohingya dan Bangladesh di Langkawi*. Kementerian Dalam Negeri (KDN), Putrajaya. Kenyataan Media. 12 Mei 2015. [Cited 23/6/2015]. Available from: <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kenyataan-media-akhbar/2200-kebanjiran-pati-rohingya-dan-bangladesh-di-langkawi>.
- Habib Siddiqui (2006) *What is Happening in Burma?* [Cited 20/6/2015]. Available from: http://www.albalagh.net/current_affairs/0090.shtml.
- Kassim Thukiman, Durrisha (2004) Keganasan Antarabangsa: Suatu Tinjauan Awal. *Jurnal Kemanusiaan*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mm2H.com. *Malaysia My Second Home*. [Cited 24/6/2015]. Available from: <http://www.mm2h.com/>.
- Mohammad Ashraf Alam (2006) *A Short Historical Background of Arakan*, Arakan Research Society, Chittagong, Bangladesh. [Cited 17/5/2015]. Available from: http://www.rohingya.org/index.php?option=com_content&task=view&id=20&Itemid=30.
- Moshe Yegar (1978) *The Muslim of Burma: A Study of a Minority Group*. Otto Harrassowitz, Germany.
- Moshe Yegar (2002) *Between Integration and Secession: The Muslim Communities of the Southern*. Lexington Books, United State of America.

- Muhammad Saufi Hassan (2015) *Dilarang solat, sambut raya*. [Cited 19/6/2015]. Available from: <http://www.hmetro.com.my/node/51747>.
- Nurul Islam (2006) *The Situation of the Rohingyas in Burma – A Testimony*. The Conservative Party Human Rights Commission Burma Hearing, London House of Commons.
- Mm2H.com (2016) *Official Portal Malaysia My Second Home*. [Cited 24/6/2015]. Available from: <http://www.mm2h.gov.my/index.php/en/>.
- Rila Mukherjee (2011) *Pelagic Passageways: The Northern Bay of Bengal Before Colonialism*. Ratna Sagar P. Ltd, Delhi.
- UNHCR. *The UN Refugee Agency Malaysia*. [Cited 23/6/2015]. Available from: <http://www.unhcr.org.my/>.
- William JT, Leitich KA (2013) *The History of Myanmar*. ABC-CLIO, LLC, California.
- Zarina Othman, Nor Azizan Idris (2015) *Migrasi dan Keselamatan*. Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.

Temubual:

- Hussain dan rakan-rakan. Pelarian Rohingya Myanmar. Hulu Langat [Januari 2015].
- Amir dan rakan-rakan. Pelarian Rohingya Myanmar. Gombak [September 2014].
- Hasan. Pendatang asing tanpa izin Myanmar. Gombak [September 2014].
- Haji Mohd Azmi b Abdul Hamid. Presiden Majlis Pertubuhan Islam Malaysia UKM Bangi [3 Jun 2015].